



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 20

RABU 17HB. MEI, 1978.

رابعو 9 جمادي الاخير 1398

PERCHUMA



Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengornikan Bintang2 Kebesaran kepada Dr. E. P. Doleman (kiri) dan Major H. S. Anderson dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Istana Darul Hana pada hari Rabu lalu.



EMPAT ORANG DI-KORNIKAN BINTANG2 KEBESARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengornikan Bintang2 Kebesaran Negeri Bru-

nei kepada empat orang dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Istana Darul Hana pada hari Rabu minggu lalu.

Dr. E. P. Doleman telah di-kornikan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J.

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B. telah di-kornikan kepada Major H. S. Anderson dan Da-

yang D. Lee.

Awang B. Tutungi telah di-kornikan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia — P.S.B.

Istiadat mengornikan Bintang2 Kebesaran itu telah di-hadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Pegawai Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato Norman Roberts dan Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria.

Sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku Statistic of External Trade bagi tahun 1975/76 sekarang sedang di-jual kepada orang ramai.

Buku yang berharga \$10.00 sa-naskhah itu boleh di-beli dari Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada bila2 masa waktu bekerja.

HARI KELEPASAN

HARI Kelepasan Awam bagi memperingati Hari Ulang Tahun penubuhan pasukan Askar Melayu Diraja Brunei akan di-ubah kepada hari Sabtu 27hb Mei.

Peluang ikuti kursus di-Pusat Kesenian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei menawarkan kepada pemuda2 dan pemudi yang berkecayaan untuk mengikuti kursus di-pusat tersebut.

Empat kursus yang ditawarkan ia-lah tenunan dan anyaman bagi pemohon2 perempuan; pertukangan perak dan pertukangan tembaga bagi lelaki.

Sa-tiap pemohon mestilah mempunyai kelayakan sekurang2-nya lulus Darjah VII Melayu atau yang sebanding dengan-nya. Mereka yang lulus dalam mata2 pelajaran ilmu hisab dan lukisan akan di-beri ketutamaan.

Lain2 syarat untuk mengikuti kursus ada-lah seperti berikut:

(a) Hendak-lah terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

(b) Hendak-lah berumur di-antara 17 hingga 25 tahun.

(c) Pemohon2 yang dipertimbangkan akan di-pilih menerusi satu temuduga.

(d) Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebih dahulu lulus pepereksaan doktor.

(e) Satu perjanjian akan di-kenakan kepada sa-tiap pemohon yang berjaya dalam masa mengikuti kursus ini dengan syarat:

"Mereka atau penjamin mereka di-kehendaki membayar bales dengan sapenoh-nya semua perbelanjaan2, jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan."

(f) Pemohon2 akan di-kehendaki mengikuti latehan sa-hingga mendapat kemahiran dalam tempoh waktu lebeh kurang dua tahun.

(h) Apabila mendapat kemahiran pelatoh2 akan di-kehendaki menjadikan pertukangan ini sa-bagai salah satu mata pencharian mereka.

Pemohon2 yang berjaya akan di-berikan elaun sabanyak \$200.00 sa-bulan serta 10 peratus net profit daripada hasil pertukangan mereka yang di-beli oleh Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei. Kenderaan dan lain2 tidak di-sediakan oleh pusat tersebut.

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Muzium Brunei, Kota Batu dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 30hb Jun, 1978.

DUA ORANG LAGI PENUNTUT LULUS DENGAN MENDAPAT IJAZAH B.A.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang penuntut Brunei yang menuntut di-luar negeri atas biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama, telah lulus dengan mendapat ijazah.

Mereka itu ia-lah Awang

Lamit bin Ibrahim, berasal dari Kampong Kilanas, Brunei. Beliau mula menuntut di-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas dalam tahun 1957. Kemudian beliau mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ka-Sekolah Arab Al-Juned Al-Islamiah di-

Republik Singapura dari tahun 1962. Sa-telah menamatkan pelajaran di-sekolah tersebut beliau meneruskan pengajian-nya ka-Universiti Al-Azhar di-Mesir pada awal tahun 1972, sahingga-lah beliau menamatkan pengajian-nya di-universiti tersebut dengan mendapat ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Perundangan Islam pada awal tahun 1978 ketika berusia 26 tahun.

Manakala Awang Metassim bin Haji Jibah pula telah lulus dari Universiti Singapura dengan mendapat ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Sejarah. Beliau berasal dari Kampong Los Tanjong, Kuala Belait dan ada-lah bekas penuntut Sekolah Menengah Arab sa-hingga tahun 1975. Beliau berusia 25 tahun dan merupakan salah sa-orang penuntut Sekolah Menengah Arab yang julong kali berjaya memasuki universiti tersebut.

Sementara itu beberapa orang rakan-nya dari sekolah yang sama juga telah berjaya meneruskan pelajaran mereka di-Universiti Al-Azhar, dan sekarang sedang berada di-tahun akhir.



Awg Lamit bin Ibrahim



Awg Metassim bin Haji Jibah

Mashuarat Agong K.S.P.J.P.K.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Agong Kesatuan Sekerja Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei akan diadakan pada hari Ahad, 28hb Mei, 1978 bertempat

di-Dewan Asrama Jururawat, Jalan Sumbiling di-sini.

Semua ahli2 Kesatuan itu ada-lah di-persilakan hadir ka-majlis tersebut pada jam 7.00 pagi.



17HB MEI, 1978

PELANCHARAN TV PENDIDIKAN

PADA 8hb Mei yang baru lalu, RTB telah memulakan siri ranchangan pendidekan ka-sekolah2 rendah di-negeri ini, yang meliputi mata2 pelajaran sains dan Bahasa Inggeris. Ranchangan tersebut ada-lah projek Jabatan Pelajaran yang di-selenggara bersama oleh RTB.

Sa-jauh ini, sekim tersebut hanya-lah merupakan satu projek, tetapi, jika ia-nya berjaya dan dapat di-terima oleh guru2 dan murid2, ia-nya akan di-luaskan lagi ka-lain2 sekolah2 rendah untuk meliputi lain2 perkara pendidekan. Dalam projek awal ini, ia-nya juga ada-lah merupakan satu rantisan bagi mengesan-kan-nya ka-sekolah2 rendah dan untuk permulaan ini, Jabatan Pelajaran telah membekalkan peti2 TV ka-beberapa buah sekolah sa-bagai perhubungan.

Ada-lah di-hasratkan yang Ranchangan TV Pendidekan yang sedang di-selenggarakan sekarang ini akan di-terima baik oleh murid2 dan juga guru2 yang bertujuan untuk meninggikan lagi taraf pelajaran di-negeri ini, ia-itu sesuai dengan chita2 Kerajaan memberikan pelajaran yang sechukop2-nya kepada raayat di-negeri ini, ia-itu, dari sa-rendah2 hingga ka-setinggi2-nya yang termampu oleh sa-tiap penuntut.

Walau pun kandungan Ranchangan TV Pendidekan itu dalam perengkat awal hanya-lah akan membekalkan mata2 pelajaran sains dan Bahasa Inggeris; akan tetapi jika ia-nya berjaya dan di-terima baik sudah tentu ranchangan tersebut akan di-luaskan meliputi lain2 perkara pendidekan.

Dan dalam perengkat awal ini agak susah bagi sesiapa pun untuk mengesankan yang Ranchangan TV Pendidekan ini mencapai satu kejayaan atau di-sebalek-nya; bagaimana pun patut-lah kita memberikan sa-kalong bunga ucapan tahniah terutama sekali kepada Jabatan Pelajaran dan juga pehak RTB yang telah menjayakan bersama ranchangan tersebut dalam menempoh pendidekan yang lebeh moden sesuai dengan keadaan alam pendidekan sekarang ini.

KELINIK DI-KAMPONG SETIA MULAKAN PERKHIDMATAN

KAMPONG AYER. — rikan dan Sunai Siamas. Klinik tersebut di-buka pada tiap2 hari Khamis.

Klinik tersebut di-kendalikan oleh lima orang kaki-tangan perubatan dari Bandar Seri Begawan yang di-ketuai oleh Ketua Juru-rawat Pengiran Rohana bte Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamad yang juga bertanggung-jawab terhadap klinik di-Kampung Sungai Kebun dan Lorong Dalam.

Sa-lain daripada memberikan perkhidmatan kepada penduduk2 di-Kampung Setia, klinik yang baru di-buka itu juga memberikan perkhidmatan kepada penduduk2 di-kampung2 Teraban, Bukit Ma-

mulakan dan Sunai Siamas. Klinik tersebut di-buka pada tiap2 hari Khamis.

Panduan Talipon sedang di-edarkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku Panduan Talipon bagi tahun 1978 sekarang di-edarkan kepada pelanggan2 di-seluruh negeri.

Jabatan Talikom ketika mengumumkan perkara itu menyatakan bahawa pelanggan boleh-lah mendapatkan buku2 panduan itu dari pejabat2 talikom di-Bandar Seri Begawan Kuala Belait, Seria, Tutong dan Bangar.

Mereka ada-lah di-nasehatkan supaya membawa bersama Kepingan mendapatkan panduan yang boleh di-dapati dari muka 1 dalam buku Panduan 1977.

DARI BILEK TAKLIMAT

SIRI KE-15

DALAM siri yang lalu kita telah meninjau ka-sekolah2 Rendah Aliran Melayu di-Daerah Tutong. Maka dalam siri ini kita meneruskan pula tinjauan kita ka-Sekolah2 Rendah Aliran Melayu di-Daerah Belait dan Temburong, oleh sebab kedua2 daerah ini tidak mempunyai bahagian2-nya maka tinjauan kita sekali jalan terus ka-Daerah Belait dan Temburong.

JADUAL I KERAMAIAAN MURID2 SEKOLAH2 RENDAH ALIRAN MELAYU BAHAGIAN BELAIT

Bil.	Nama Sekolah>Nama Tempat dan Mukim	Keramaian		Murid Jumlah
		L.	P.	
1.	SM Ahmad Tajuddin, Pekan Belait, Mukim Belait	378	392	770
2.	SM Kuala Balai, Kg. K. Balai, Mukim Kuala Balai	6	6	12
3.	SM Lumut, Kg. Lumut, Mukim Sg. Liang	72	55	127
4.	SM Melilas, Kg. Melilas, Mukim Melilas	11	10	21
5.	SM Merangking, Kg. Merangking, Mukim Bt. Sawat	39	37	76
6.	SM Muhammad Alam, Pekan Seria, Mukim Seria	466	370	836
7.	SM OKPB Bt. Sawat, Kg. Bt. Sawat, Mukim Bt. Sawat	49	30	79
8.	SM Labi, Kg. Labi, Mukim Labi	50	37	87
9.	SM Rampayoh, Kg. Rampayoh, Mukim Labi	55	47	102
10.	SM Sg. Liang, Kg. Sungai Liang, Mukim Sg. Liang	69	83	172
11.	SM Sungai Teraban, Kg. Sg. Teraban, Mukim K. Belait	42	36	78
12.	SM Sukang, Kg. Sukang, Mukim Sukang	43	42	85
13.	SM Panaga, P. Station Panaga, Mukim Seria	43	69	122
14.	SM Apak-Apak, Kg. Apak-Apak, Mukim Sukang	9	14	23
15.	SM Buau, Kg. Buau, Mukim Sukang	25	20	45
	JUMLAH	1,307	1,248	2,635

JADUAL II KERAMAIAAN MURID2 SEKOLAH2 RENDAH ALIRAN MELAYU BAHAGIAN TEMBURONG

Bil.	Nama Sekolah>Nama Tempat dan Mukim	Keramaian		Murid Jumlah
		L.	P.	
1.	SM Amo, Kg. Amo, Mukim Amo	56	43	99
2.	SM Biar, Kg. Biar, Mukim Amo	6	4	10
3.	SM Bokok, Kg. Bokok, Mukim Bokok	39	46	85
4.	SM Kenua, Kg. Kenua, Mukim Bokok	26	23	49
5.	SM Labu Estate, Kg. Labu Estate, Mukim Labu	23	14	37

6.	SM Negalang, Kg. Negalang, Mukim Batu Apoi	20	19	39
7.	SM Piasau-Piasau, Kampong Piasau-Piasau, Mukim Labu	11	15	26
8.	SM Puni, Kg. Puni, Mukim Bokok	54	55	109
9.	SM Salangan, Kg. Salangan, Mukim Amo	36	39	75
10.	SM Semabat, Kg. Semabat, Mukim Amo	8	10	18
11.	SM Senokoh, Kg. Senokoh, Mukim Labu	8	13	21
12.	SM SH Batu Apoi, Kg. Batu Apoi, Mukim Batu Apoi	49	45	94
13.	SM Selapon, Kg. Selapon (Lupat) Mukim Batu Apoi	22	14	36
14.	SM Sultan Hasan, Pekan Bangar, Mukim Bangar	145	107	252
	JUMLAH	503	447	950

Dengan jadual2 yang telah kita ikuti di-atas tadi dan pada siri2 yang lalu maka dapat-lah kita simpulkan bahawa pada tiap2 bahagian itu ada-lah seperti berikut:

JADUAL III KERAMAIAAN MURID2 SEKOLAH2 RENDAH ALIRAN MELAYU MENGIKUT BAHAGIAN2

Bil.	Nama Bahagian>Nama Penyelia2	Keramaian		Murid Jumlah
		L.	P.	
1.	Bahagian Brunei I, Haji Julaihi bin Sulaiman	2,380	2,261	4,541
	Bahagian Brunei II, Haji Julaihi bin Sulaiman	2,181	1,997	4,178
	Bahagian Brunei III, Haji Julaihi bin Sulaiman	946	883	1,829
	JUMLAH SEMUA	5,507	5,041	10,548
2.	Bahagian Tutong I, Md. Taha bin Abdul Rauf	1,003	850	1,583
	Bahagian Tutong II, Md. Taha bin Abdul Rauf	1,003	850	1,583
	JUMLAH SEMUA	1,510	1,253	2,763
3.	Bahagian Belait, Pg. Besar bin Pg Haji Ahmad	1,387	1,248	2,635
4.	Bahagian Temburong, Pg. Haji Tuah bin Pg Hj Chuchu	503	447	950

Daripada jadual di-atas ini maka dapat-lah kita menjumlahkan berapakah keramaian murid2 sekolah2 rendah aliran Melayu ini bagi seluruh negeri. Daerah Brunei dan Muara 10,548 orang, Daerah Tutong sa-ramai 2,763 orang, dan Daerah Belait 2,635 orang dan Daerah Temburong hanya sa-ramai 950 orang. Menurut dari angka2 itu bahawa daerah Brunei dan Muara mempunyai sekolah dan murid2 yang paling banyak dan ramai.

Insha Allah di-siri2 yang akan datang kita akan menyingkap lain2 jurusan di-Jabatan Pelajaran ini ia-itu jurusan Inggeris, Maktab2, Sekolah2 Pertukangan, dan Sekolah2 Menengah di-seluruh negeri kita ini, dan tidak ketinggalan juga kita akan bersama2 meninjau penuntut2 kita yang berada di-seberang laut.



Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan Brunei II

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu pameran seni lukis dan pertukangan tangan bagi Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, akan di-langsungkan di-dewan Sekolah Melayu Delima Satu, Jalan Muara (Bangunan baru) pada 4hb Jun depan mulai jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Pameran tersebut akan di-rasmikan oleh Timbalan Pengarah Perjawatan, Awg Haji Mohd Kassim bin Hj Mohd Daud, sementara isteri beliau Dayang Hajjah Latifah binte Haji Ya'akub akan menyampaikan hadiah.

Pengerusi Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan Bahagian Brunei II, Awang Abdul Rahman bin Mattamit menyatakan kepada Pelita Brunei minggu ini bahawa Sekolah2 Bahagian Brunei II yang akan mengambil bahagian dalam pameran itu di-harap akan menghantar hasil pameran mereka tidak lewat pada 25hb Mei ini.

KETETAPAN HARGA2 BARANG KEPERLUAN HARIAN

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 bersama dengan harga runchit yang telah di-perse-tujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut :—

JENIS BARANG2		HARGA RUNCHIT	
Lactogen with Honey/ Lactogen Full Protein	— 1 kg	\$ 6.45	sa-tin
	— 2 kgs	\$12.40	"
Everyday Standard	— 1 kg	\$ 5.65	"
	— 2 kgs	\$10.60	"
Everyday Instant	— 1 kg	\$ 6.75	"
SMA MILK POWDER			
SMA	— 1 lb	\$ 5.50	"
	— 2 1/2 lbs	\$12.50	"
	— 500 gms	\$ 7.00	"
	— 1 kg	\$13.70	"
S26	— 1 lb	\$ 5.80	"
	— 2 1/2 lbs	\$13.50	"
	— 500 gms	\$ 7.30	"
	— 1 kg	\$14.10	"
Nespray Instant	— 2 lbs	\$ 7.50	"
	— 5.5 lbs	\$16.90	"
	— 400 gms	\$ 3.10	"
	— 500 gms	\$ 3.85	"
	— 1 kg	\$ 7.60	"
	— 2.5 kgs	\$16.90	"
Pelargon	— 500 gms	\$ 4.50	"
	— 1 kg	\$ 8.50	"
	— 2 kgs	\$16.15	"
Nan	— 500 gms	\$ 6.75	"
	— 1 kg	\$11.50	"
Milo	— 13 gms	\$ 0.15	sa-bks.
	— 250 gms	\$ 2.15	sa-tin
	— 500 gms	\$ 4.05	"
	— 1.5 kg	\$10.70	"
NESCAFE			
Nescafe CTI	— 50 gms	\$ 3.40	sa-botol
	— 100 gms	\$ 6.50	"
	— 250 gms	\$11.00	"
	— 500 gms	\$28.70	sa-tin
	— 100 gms	\$ 9.70	sa-botol
	— 100 gms	\$ 8.70	"
OVALTINE			
a) Malt Ovaltine (OM)	— 250 gms	\$ 2.15	sa-tin
	— 500 gms	\$ 4.05	"
	— 1.5 kg	\$10.70	"
b) Ovaltine With Honey (OH)	— 500 gms	\$ 4.05	"
	— 1 kg	\$ 7.70	"
Horlicks	— 200 gms	\$ 1.65	sa-botol
	— 400 gms	\$ 3.30	"
	— 1,200 gms	\$ 9.60	"
	— 2,000 gms	\$15.40	"
MINYAK MAKAN			
a) Chap Harimau	— 2 kgs	\$ 7.15	"
	— 3 kgs	\$10.80	"
	— 5 kgs	\$16.50	"
	— 17 kgs	\$49.00	"
	— 4 katis	\$ 7.95	"
	— 6 lbs	\$ 8.95	"
	— 8 katis	\$15.20	"
	— 28 katis	\$48.20	"
b) Six Crown	— 2 kgs	\$ 7.15	"
	— 3 kgs	\$10.80	"
	— 5 kgs	\$16.50	"
	— 17 kgs	\$49.00	"
"BLUE DIAMONDS" SHELLED ALMONDS			
Whole Natural	— 6 ozs	\$ 2.30	sa-tin
Roasted Salted Diced	— 5 1/2 ozs	\$ 2.25	"
Roasted Blanched Silvered	— 5 1/2 ozs	\$ 2.55	"
Cheese	— 6 ozs	\$ 2.30	"
Barbecue	— 6 ozs	\$ 2.30	"
Smokehouse	— 6 ozs	\$ 2.30	"
Onion/Garlic	— 6 ozs	\$ 2.30	"
Blanched, Salted	— 6 ozs	\$ 2.50	"
Roasted, Salted	— 6 ozs	\$ 2.30	"
Taikoo Granulated Sugar	— 1 lb	\$ 1.00	sa-bks.
	— 2 lbs	\$ 2.00	"
	— 5 lbs	\$ 5.00	"
Table Water Packets Biscuits	— 200 gms	\$ 1.85	sa-bks.


Hadhiri kursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Awang Osman bin Omar, Merinyu Suka-tan dan Timbangan, Baha-gian Sukatan dan Timban-gan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dan sa-orang me-kanik dari bahagian itu, Awang Metali bin Tuah telah berlepas ka-Singapura untuk mengikuti kursus sa-lama sa-bulan di-republik itu.

Awang Osman akan mempelajari sistem metri-k, pentadbiran dan pendakwa-an mengenai alat2 sukatan dan timbangan. Beliau di-tempatkan di-Kementerian Sains dan Teknologi.

Awang Metali pula akan mengikuti kursus mekanik di-Avery Singapura.

Ini ada-lah pertama kali-nya kaki-tangan di-Baha-gian itu mengikuti kursus di-seberang laut.



Daerah Temburong pilih wakil ka-perangkat negeri

PEKAN BANGAR, TEM-BURONG. — Awang Isa bin Osman dan Dayang Haimah bte Haji Badar ke-dua2-nya dari Sekolah Agama Pengiran Muda Mohammad Bolkihah telah di-pilih untuk mewakili Daerah Temburong dalam Peraduan Membaca Al-Kor'an Perangkat Negeri Bahagian 'A'.

Dalam Bahagian 'B' pula, daerah tersebut akan di-wakili oleh Awang Rosli bin Hitam dan Dayang Masnah bte Haji Abu Salam yang juga kedua2-nya dari Sekolah Agama Pengiran Muda Moham-mad Bolkihah.

Sementara Awang Ibra-him bin Alihan dan Da-nyang Siti Hayun bte Jumat akan mewakili daerah ter-sebut dalam bahagian sha-rahah agama.

Kesemua mereka ini telah munchol sa-bagai johan dalam tiap2 bahagian.

Peraduan memilih wakil itu telah di-langsungkan di-Sekolah Agama Pengi-ran Muda Mohammad Bol-kihah di-sini pada minggu lalu. Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Pe-

nolong Penguasa Pelajaran Agama, Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud manakala hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tembu-rong, Awang Talip bin Hj Barudin.

PENGSAAN

Di-sebabkan jatoh-nya teka-nan darah ka-otak dengan tiba2 kerana ketakutan, me-nerima perkhabaran tidak baik, melihat benda2 yang di-takuti dan dahsat, berpuncha dari pe-nyakit leleh, duduk lama atau berdiri lama di-tempat panas atau di-khalayak ramai yang tak chukop udara berseh atau sa-lepas berlumba lari dan lain2.

TANDA2 DAN ALAMAT-NYA

1. Keadaan tidak sedarkan diri datang tiba2 atau be-rasa sakit kepala sa-be-lum pengsan.
2. Muka puchat dan kulit sejok dan keluar peloh terutama di-dahi.
3. Nadi lemah dan perjalan-an-nya lambat.
4. Nafas pendek dan rasa sesak.

CHARA RAWATAN

a) Jika seseorang itu rasa hendak pengsan, arahkan orang itu duduk atas kerusi dengan segera dan rendahkan kepala-nya antara kedua2 lutut atau pun baringkan dia dengan ke-pala palingkan ka-kiri atau ka-kanan bagi memudahkan per-nafasan. Jika muka-nya puchat maka angkat kaki dan ping-gang ka-atas sedikit bagi me-nurunkan darah ka-muka dan jika kaki-nya puchat angkat badan-nya ka-atas begitu-lah saterus-nya. Jika keadaan pe-sakit puleh saperti biasa dan tidak sakit perut beri-lah mi-numan panas saperti kopi atau milo atau teh atau susu.

b) Jika tidak sedarkan diri baringkan saperti chara di-atas longgarkan pakaian di-leher, pinggang dan dada. Ten-tukan supaya banyak udara berseh dan chiumkan 'smelling salts' bagi menyadarkan-nya. Jika muka atau kaki puchat buat-lah saperti di-atas dan jika orang itu puleh beri-lah dia minuman panas.

TERKEJUT

Di-sebabkan badan tersangat

SA-RAMAI 60 orang rekrut Pasokan Pulis Diraja Bru-nei yang terdiri dari 31 orang rekrut perempuan bagi pengambilan kedua tahun 1977 dan 29 orang rekrut lelaki bagi pengambilan kelima tahun 1977 telah me-nerima tali-pinggang2 Judo berwarna orange dan ku-ning bertempat di-Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei di-Jalan Muara.

Penyampaian tali-pinggang2 pada petang hari Khamis yang baru lalu itu telah di-lakukan oleh Tim-balan Pesuruhjaya Pulis, Dato Paduka Seri Laila Jasa C. T. Miller (kelihatan dalam gambar). Sa-takat ini lebeh 1,800 tali-pinggang2 Judo bagi anggota Pulis Di-raja Brunei telah pun di-berikan.



lemah sistem perjalanan darah tidak teratord dan sempurna yang mengakibatkan kekurang-an oxygen dalam otak dan se-luruh badan. Terkejut akan bertambah berat jika di-sebab-kan kemalangan yang menga-kibatkan kekurangan darah atau darah banyak keluar atau pun sa-suatu kechederaan berat saperti patah dan lain2.

ALAMAT DAN TANDA2

1. rasa pening dan pengsan
2. badan dan muka puchat
3. rasa loya hendak muntah
4. nadi lemah dan akhir-nya bertambah lemah

RAWATAN RENGKAS

Ada lebeh baik pesakit ini terus di-hantar ka-hospital de-gan segera tapi jika tidak ada kenderaan untuk membawa ka-hospital atau menunggu kereta

sakit buat-lah saperti ini:
1. Baringkan pesakit itu de-ngan keadaan meniarap (coma position) ini akan memudah-kan pesakit muntah dan nafas tidak terganggu.

2. Longgarkan pakaian di-leher, dada dan pinggang.
3. Selimutkan dengan kain panas tapi jangan terlalu pa-nas.

4. Jika muka puchat angkat bahagian kaki dan punggung-ka-atas dan jika bahagian kaki puchat angkat pula badan ka-atas begitu-lah sa-terus-nya.

5. Jangan gunakan ubat2 gusok yang panas.

6. Jangan bagi minum jika sakit perut atau tidak sedar diri.

7. Bawa pesakit ka-hospital dengan segera bagi rawatan sa-lanjut-nya.



Coma Position

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 20hb. hingga 24hb. Mei, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Kawasan Mesjid, Kampong Sengkuring	20.5.1978	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	20.5.1978	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	20.5.1978	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	22.5.1978	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	22.5.1978	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	23.5.1978	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	23.5.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	24.5.1978	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	24.5.1978	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	24.5.1978	Rabu	11.30-12.00 T/hari



Mrs. D. Lee receiving her award from His Highness the Sultan.



His Highness pinning the award on Awang B. Tutungi.

FOUR HONOURED

BANDAR SERI BEGAWAN.—His Highness the Sultan Sir Muda Hassanah Bolkhah Muizzaddin Waddaulah last Wednesday bestowed honours on four people at an investiture ceremony held at the Istana Darul Hana here.

Heading the list was Dr. E. F. Doleman who received the Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, SLJ, Third Class.

Major H. S. Anderson and Mrs. D. Lee received the Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia, SMB, Third Class while Mr. B. Tutungi was awarded the Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia, PSB, Fourth Class.

The ceremony was witnessed by among others the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khiri Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Wazir Pengiran Muda Mohammad Bolkhah, the Commander of the Royal Brunei Malay Regiment, Colonel Dato Norman Roberts and Cheterias.

Civic Centre nearing completion

PEKAN TUTONG.—About seventy per cent of the work on the construction of the Civic Centre here has been completed.

A spokesman for Rekabena Perunding, the architects who designed the building said the contractor, M/s Brunei Construction Limited, is currently giving the final touches to the interior parts of the building including the ceiling.

The Sixth Form Centre won the inter-college/school soccer tournament when they beat the Jeffri Bolkhah School of Engineering in the final held at the Muda Hashim Padang, Tutong last week.

One of Sixth Form Centre's players is seen below being congratulated by Lieutenant Colonel W. R. Evans of the Royal Brunei Malay Regiment, who presented the prizes to the winners at the conclusion of the match.

The spokesman said if all goes according to plan, the building should be ready in about July or August.

The contractor started work on the building, situated on an approximately 6.3-acre site along Jalan Bukit Bendera late last year.

When completed it will have among other things a multi-purpose hall, an administration office, a conference room, a stage and changing rooms.

The hall has been designed in such a way that it can be used for holding formal as well as informal functions, indoor games such as badminton, table tennis and sepak takraw, cultural shows, exhibitions and other events.

OVER \$2.5m PAID OUT TO PENSIONERS

BANDAR SERI BEGAWAN.—The State Pensions Department last year paid out a total sum of \$2,566,261.25 to 7,357 persons who were considered entitled to receive pensions and allowances under the State Pensions Enactment 1954 (Enactment No. 10 of 1954).

Of the recipients,

4,043 were in the Brunei/Muara, 1,508 in the Belait, 1,389 in the Tutong and 396 in the Temburong districts.

A sum of \$1,454,868.75 was paid to the recipients in the Brunei/Muara District, \$515,127.50 to the recipients in the Belait District, \$471,176.25 to the recipients in the Tutong District and

\$125,088.75 to the recipients in the Temburong District.

Old age pensioners who numbered 6,935 received \$2,433,682.50; the 162 blind and their dependants \$90,128.75; the 14 dependants of lepers \$3,825.00; the 50 dependants of mental patients \$15,975.00; and the 57 disabled persons \$22,650.00.

Coronation commemorative stamps

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Postal Services Department will issue three new stamps to mark the twenty-fifth anniversary of the coronation of Queen Elizabeth the Second.

The stamps will be in the denomination of ten, twenty and seventy-five

cents. A total of 580,000 of the stamps—300,000 for the ten cents, 200,000 for the twenty cents and 80,000 for the seventy-five cents—will be sold.

The ten cents stamp will show the crowning cere-

mony, the twenty cents show the Queen and the coronation regalia, and the seventy-five cents will show the Queen leaving Westminster Abbey after the coronation ceremony.

The first day cover will be on sale soon.

Goodwill mission to Taiwan

BANDAR SERI BEGAWAN.—A delegation from the Brunei Malay Chamber of Commerce will go to Taiwan on a goodwill mission next month.

The twenty-five member delegation will be led by Brunei's former Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim and the chairman of the Chamber, Awg Hapidz Laksamana.

The group will be in Taiwan for one week as guests of the Chinese Chamber of Commerce and the Sino-Brunei Economic Association there.

Recruits receive Judo belts

JALAN MUARA.—The Deputy Commissioner of Police, Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang C. T. Miller last Thursday presented judo belts and certificates to sixty police recruits at a ceremony held at the Police Training Centre here.

Of the sixty recipients, thirty-one were women recruits of whom twenty-five were awarded with the orange belts and six with the yellow belts.

Twenty-one of the male recruits received the orange

belts while the other nine were awarded with the yellow belts.

So far about two thousand judo belts including a considerable number of black, brown and blue ones have been awarded to police personnel in the State.

Present at the ceremony last Thursday were the Commandant of the Police Training Centre Superintendent Awang Yaakub bin YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal and other senior police officers.

1978 phone directory ready for collection

BANDAR SERI BEGAWAN.—The State's telephone directory for the current year is now ready for distribution.

The Telecommunications Department announcing this said subscribers can get their copies from its sales offices here, in Kuala Belait, Tutong, Seria, and Bangar.

They are advised to bring along their directory entitlement slip which can be found in last year's directory.



The ante-natal and child welfare clinic at Kampong Setia in Kampong Ayer opened to the public last Thursday. A nurse is seen above attending to a child at the clinic on the opening day.



ADA-lian orang2 yang ber-kapada Allah dan Rasul-Nya, yang ada-nya hari kiamat, pembalasan bagi segala amalan yang akan kebenaran shari'at yang di-bawa oleh junjongan Nabi Muhammad s.a.w. adalah di-tuntut supaya hidup kita senantiasa bersih, suci daripada segala dosa dan maksiat. Kita di-kehendaki bersifat takwa, mengerjakan segala surohan Allah, dan meninggalkan segala tegahan-Nya. Di-suroh berchakap benar, amanah dan jujur serta ikhlas dalam segala tindak tandok kita. Jika semua ini kita buat dan pegang dengan tegoh, maka jaminan Allah akan berlaku kapada kita, ia-itu mendapat kejayaan besar dan kedamaian hidup di-dunia dan di-akhirat.

Firman Allah Ta'ala yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman! Bertakwalah kamu kapada Allah dan berchakaplah dengan kata2 yang benar neschaya Allah membanyakkan amalan2 kamu dan mengampunkan dosa2 kamu, dan sesiapa jua menta'ati Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia tetap mendapat kejayaan yang besar."

Sa-bagai orang beriman, kedudukan dan pandangan hidup kita ia-lah berlainan daripada orang2 yang beragama lain atau orang yang tidak beragama langsung. Kita mempunyai dasar hidup yang betul, di-pandu dan di-pegang oleh akidah dan tauhid, sementara dasar hidup yang tidak berasaskan ini, ada-lah dasar yang berubah2, yang mengikut kemahuan dan selera siapa sahaja yang membuat dasar itu. Sedangkan dasar hidup orang Islam bukan-lah orang Islam itu sendiri yang memandai2 membuat atau menentukan, tetapi kita hanya-lah wajib patoh dan mengikut sahaja sa-ba-

gai ibadat, kerana Dialah (Allah) yang sebenar2-nya pemilik dan pembuat undang2 atau peraturan tersebut.

Salah satu peraturan Allah untok orang2 Islam, ia-lah wajib makan dan minum apa2 yang baik dan halal yang telah di-korbankan-Nya. Kita di-larang memakan benda2 yang di-haramkan-Nya seperti makan riba', makan dan mengambil harta anak yatim, makan darah yang mengalir, makan

bangkai dan babi dan lain2 lagi, yang semua itu di-sebut dalam Al-Kor'an dan Hadith Nabi. Kita juga di-suroh berhati2 dalam soal makan dan minum ini, kerana bukan sahaja khuatirkan kalau2 termakan atau makan benda2 yang memang terang haramnya, bahkan juga kita hendak-lah berjaga2 dari barang2 makanan yang terdapat keraguan atau kesamaran padanya.

Perkara makan minum ada-lah perkara

MAKANAN BERHUBONG LANGSUNG DENGAN IBADAT KAPADA ALLAH

besar, tidak boleh di-pandang ringan. Allah memerintahkan kapada orang2 mukmin supaya membuat amal. Dan ada pun amal perbuatan itu hendak-lah bersih, tumbuh dan lahir dari hati dan jiwa yang bersih, di-gerakkan oleh kekuatan darah dan tuboh badan yang bersih, yang semua itu hanya-lah dapat di-chapai dengan memakan makanan yang bersih yaani halal, bukan yang haram.

Pengaruh makanan mempunyai hubungan langsung dengan ibadat kapada Allah.

Salah satu ibadat yang juga di-sebut sa-bagai "senjata orang mukmin" ia-lah munaajat dan do'a kapada Allah. Di-dalam hadith yang sahih, Rasulullah s.a.w. menyebutkan tentang syarat do'a yang makbol itu, antara-nya ia-lah membaguskan makanan, yaani makan makanan yang halal, yang bermakna makanan yang haram itu menghalang terangkat-nya do'a seseorang mukmin, sebagaimana suatu riwayat menyebutkan, bahawa sahabat Sa'ad bin Abi Waqas pernah berkata kapada Rasulullah s.a.w.: Ya Rasulullah! Aku mohon kapada Allah, supaya di-jadikan aku orang yang diterima do'a-nya. Lalu Rasulullah bersabda; yang bermaksud:

"Wahai Sa'ad! baguskanlah makananmu neschaya engkau menjadi orang yang diperkenankan do'a-nya. Dan demi diri Muhammad di-tangan-nya, sesungguhnya sa-orang hamba yang memasakkan sa-suap makanan yang haram ka-dalam perut-nya, tiada-lah di-terima oleh Allah daripada-nya amalan-nya selama empat pu-

KHUTBAH JUMAAT

loh hari. Dan mana2 hamba orang yang tumbuh daging-nya dari (makanan) yang haram, maka api neraka ada-lah lebih layak dengan-nya."

Demikian-lah wahai kaum muslimin! ada-lah satu bala dan malang yang besar kaatas orang2 Islam yang merengankan soal makan dan minum itu, dengan tidak memperhitungkan halal haramnya. Sesungguhnya makan yang halal itu ada-lah suatu syarat untok beroleh faedah dari amalan2 kita yang saleh, supaya dapat dan senang berbakti serta ta'at kapada Allah. Tetapi sebalik-nya makan bangkai seperti ayam yang tidak di-sembelih atau makanan2 yang berchampur najis atau harta haram rasuah dan yang seumpamanya, boleh memisongkan hati dari berbuat amal saleh dan berbakti kapada Allah.



GAMBAR menunjukkan Han Sing Ing (memakai tudung) sedang melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awang Omar Haji Ismail dengan memilih nama Islam-nya sa-bagai Darina binte Abdullah.

Memelok Ugama Islam

SEBELAS orang lagi telah memelok ugama Islam di-negeri ini dalam tiga majlis peng-Islaman yang berasingan.

Sa-orang gadis Tiong Hwa dari Pekan Seria, Han Sing Ing, 18 tahun, kini di-kenali sa-bagai Darina bte Abdullah sa-telah memelok ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri pada 22hb April, 1978. Darina melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awang Omar bin Haji Ismail, sa-orang pegawai di-jabatan tersebut.

Sementara itu, pada 20hb April telah juga berlangsung satu majlis peng-Islaman bertempat di-rumah Bilal Morni bin Ampuan Zainuddin di-Kampung Sengkarai, Tutong, di-mana Sipak bte Enak, 26 tahun bersama 3 orang anaknya telah juga memelok ugama Islam. Sipak yang berasal dari Limbang, Sarawak itu memilih nama Islam-nya sa-bagai Mastika bte Abdullah, sa-telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Hj Abd Wahab bin Hj Othman, Imam Masjid Penanjong, Tutong.

Manakala di-Daerah Belait pula pada hari yang sama enam orang Dusun sa-keluarga telah juga melangsungkan majlis peng-Islaman di-rumah mereka di-Kampung Lumut, Seria. Mengepalai keluarga itu ia-lah Awang Salatan bin Salamat, 51 tahun, dan kini di-kenali sa-bagai Mohd. Bahrin bin Abdullah. Sementara isteri beliau Dy Gusni bte Dampol, 37 tahun, kini di-kenali sa-bagai Dy Rusni bte Abdullah. Manakala tiga orang anak mereka masing2 kini di-kenali sa-bagai Awg Yusri, 19 tahun, Adi Othman, 17 tahun dan Rizal Fauzan, 15 tahun. Turut juga memelok ugama Islam ia-lah ipar kapada Mohd Bahrin yang kini di-kenali sa-bagai Mohd Sofyan bin Abdullah, 18 tahun.

Mereka melafadzkan ikrar masing2 di-hadapan Awg Johari bin Omarali, sa-orang pegawai ugama dari Pejabat Ugama Belait, dengan di-hadiri oleh beberapa orang pegawai ugama dan orang ramai sekitar-nya.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 17hb Mei, 1978 hingga ka-hari Selasa 23hb Mei, 1978 ada-lah seperti dibawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
17hb Mei		12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51 6.05
18hb Mei		12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51 6.05
19hb Mei		12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51 6.05
20hb Mei		12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51 6.05
21hb Mei		12.23	3.41	6.33	7.45	4.37	4.51 6.05
22hb Mei		12.23	3.41	6.33	7.45	4.37	4.51 6.05
23hb Mei		12.23	3.41	6.33	7.45	4.37	4.51 6.05


Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



MOHD BAHRIN bin Abdullah nama Islam bagi Salatan bin Salamat berserta keluarga-nya bergambar sa-telah selesai majlis peng-Islaman mereka pada 20hb April yang baru lalu. (Gambar2 JHEU).

PAMERAN SENILUKIS DAN PERTUKANGAN-TANGAN S.P.I. BELAIT DAN TUTONG



OSKAR rebutan bagi Peraduan Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan Sekolah2 Perse-diaan Inggeris Daerah Belait dan Tutong bagi tahun 1978 telah di-rebut oleh Sekolah Perse-diaan Inggeris, Seria dengan mendapat markah 49 mata. Kelihatan dalam gambar atas YB. OKPD. Awang Lukan menyampaikan hadiah tersebut kepada wakil SPI, Seria. Manakala gambar sa-belah pula naib johan per-aduan itu dari SPI Kiudang juga telah menerima oskar rebutan per-aduan. Hadiah2 rebutan tersebut di-sumbangkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

GAMBAR bawah kelih-tan orang2 kampung se-dang menyaksikan pame-ran yang berupa lukisan poster.

KIUDANG.— Sekolah Persediaan Inggeris, Seria telah munchol sa-bagai johan bagi Per-aduan Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan Sekolah2 Perse-diaan Inggeris Daerah Belait dan Tutong kali ketiga belas tahun.

Peraduan pameran tersebut telah di-lang-songkan di - Sekolah Melayu Kiudang pada pagi Ahad minggu lalu dan di-rasmikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awg Lukan bin Uking.

Sa-banyak tujuh buah sekolah persediaan Ing-geris di-dua daerah itu telah menyertai per-aduan tersebut yang di-bahagikan kepada tiga kumpulan — Prep I, II dan III.

Pemenang kedua dalam peraduan itu di-sandang oleh SPI Kiudang dan tempat ketiga oleh SPI Tutong. Sa-banyak sembilan jenis peraduan dan kerja-tangan yang di-pertandingkan ter-masok-lah Lukisan Alam Benda, Alam Semula Jadi, Archa dan Anyaman.

Yang Berhormat OKPD. Awg Lukan kemudian-nya telah menyampaikan ha-diah2 kepada sekolah2 yang mengambil bahagian ter-masok hadiah oskar pusing-an yang di-sumbangan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.



Sementara itu pameran yang sama bagi Sekolah2 Rendah Melayu Tutong I telah juga di-adakan pada Ahad lepas di-SM. Dana dan Tutong II pada 28hb Mei depan di-SM Sinaut.

LUKISAN gubahan alam semula yang di-saksikan dalam gambar di-pertunjukan itu telah di-menangi SPI, Tutong di-ketiga2 kumpulan I, II, III. Sementara gambar bawah bi SPI, Seria memenangi dua kumpola III manakala Prep II di-menangi Kiudang.



SUSUNAN RANCHANGAN



Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 17HB. MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 ENCYCLOPAEDIA BRITANNICA "Racing - The Speed Demons"
- 6.28 ADVENTURES OF MUHAMMAD ALI - "The Haunted Park"
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 ADVENTURES OF MUHAMMAD Ali - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 VAN DER VALK - "Wolf"
- 8.00 DOCTOR AT LARGE - "A Joke's A Joke"
- Michael dan Paul tunjok perasaan demi untuk lulus peperiksaan mereka, tetapi pada hari pertama apabila kawan2-nya menyual dengan soalan yang tidak menasabah ka-atas mereka, mereka berdua menjadi bingung.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJLIS PERBINCANGAN
- 9.15 CELEBRITY CONCERT - "Charles Aznavour"
- 10.05 PERLAWANAN GUSTI
- 11.00 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 18HB. MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SPENCER'S PILOTS - "The Sailplane"
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 SPENCER'S PILOTS - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 THE OREGON TRAIL - "The Return of the Baby"
- 8.00 PLAIN SAILING - "A Summer Cruise"
- Siri yang terakhir yang mana sa-orang ahli berpengalaman membawa kapal layar-nya ka-Pulau2 Channel.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 19HB. MEI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Manusia di-bulan"

APA PILEHAN AWDA



DAYANG Noraini bte Ibrahim, Kg Benda-dahara Lama, Bandar Begawan akan memilih lagu2 dalam ranchangan Apa Pilehan Awda pada hari Jumaat 19hb Mei, 1978, jam 9.00 pagi.

- 5.30 HERE'S MUMFIE - "The Gilt-Edged Invitation"
- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 SKIPPY THE BUSH KANGAROO

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 DONNIE AND MARIE OSMOND SHOW
- 8.00 ARE YOU BEING SERVED
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 SEKITAR TANAH AYER
- 9.15 THE WATER MARGIN - Episode ke-empat.
- Isteri Lin Chung telah meninggal dunia dan Lin Chung tinggal di-Liang Shan Po. Pao Chui pula telah menjadi Commander in Chief yang mempunyai peniaga Imperial yang kuat sa-ramai 800,000 orang.
- 10.05 MYSTERY MOVIE: McMillan and Wife "All Bets Off"
- 11.30 SIARAN TAMAT.

SABTU - 20HB. MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 SESAME STREET - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 STARKY AND HUTCH - "Specialist"
- 8.00 DISCO 77
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 ASIAN AMATEUR SINGING CONTEST - Pertandingan terakhir: Taipei.
- 9.45 WORLD CUP FOOTBALL - Pusingan pertama.
- Antara German Barat vs Brazil and Italy
- 11.25 SIARAN TAMAT.

Roots satu siri baru di-TV

Roots satu siri baru, sekarang di-tayangkan di-RTB. Kisah dalam siri ini ia-lah dari nobel paling laris oleh Alex Haley dengan tajok yang sama.

Sa-masa kecil, Alex Haley banyak menghabiskan masa-nya bersama nenek-nya di-Tennessee, sambil mendengar kisah2 lama orang2 tua yang telah mereka dengar mengenai tanah2 perkebunan dan perhambaan. Kesemua cerita ini membawa kepada perihai sa-orang lelaki yang penoh misteri di-panggil "The African" oleh mereka. Alex Haley tidak dapat melupakan cerita2 ini dan pada tahun 1962 ia berchadang untuk menyiasat hal yang sa-benar dalam cerita2 lama ini yang di-sampaikan kapada-nya. Pengkajian-nya mengambill masa 12 tahun yang membawa-nya ka-Gambia, Afrika Barat, tempat lahir "The African", siapa yang di-dapati ada-lah orang yang bernama Kunta Kinte. Kunta kinte telah di-ambil dari kampung-nya pada tahun 1767, di-jual sa-bagai hamba dan di-bawa ka-Amerika.

ROOTS mengesahkan tentang Kunta Kinte, anak2-nya dan anak2 kapada anak2-nya. Ia mengesahkan perjalanan yang amat sukar yang di-alami-nya di-sebuah kapal perhambaan menuju ka-Amerika, perkahwinan-nya dengan Bell dan perjuangan yang tidak habis2 untuk menghadapi keadaan2 penghidupan yang perit ketika itu.

ROOTS mendapat sambutan yang hangat di-Amerika dan Britain. Ramai orang yang menganggap-nya sa-bagai siri talivishen yang paling agong pernah di-tayangkan. Jangan lupa menyaksikan tayangan episod pertama pada malam hari Ahad 21hb Mei, jam 9.30 malam.

AHAD - 21HB. MEI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Garisian"
- 5.30 THE MAGIC BALL - "The Witch"
- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 NEW SCOOPY DOO - "Hang in there Scooby Doo"
- 6.28 THE PARTRIDGE FAMILY - "Dr. Jekyll and Mr. Partridge"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 THE PARTRIDGE FAMILY - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 THE BIONIC WOMAN - "The Pyramid"
- Jaime Sommers telah terperangkap dalam sa-buah pyramid di-tanam di-bawah California Selatan bersama sa-orang pemuda yang memberitahu bumi akan musnah.
- 8.00 OUR ASIAN NEIGHBOURS - THAILAND - "Floating Rice and Harvest at Nong Sub"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 PUSPARAGAM
- 9.30 ROOTS - Siri pertama dengan memulakan satu keluarga Amerika yang di-petik dari sa-buah nobel yang terbaik yang di-karang oleh Alex Haley.
- 11.30 THAT'S HOLLYWOOD - "The Chase is on"
- 12.00 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 22HB. MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN

MAANA-NYA

- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 THE ROVER - "The Sailor"
- 6.28 BIG BLUE MARBLE
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 BIG BLUE MARBLE - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 CHARLIE'S ANGELS
- 8.00 SERIKANDI
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 ARENA SOKAN - Kita akan dapat mengikut Punch Gunalan ia-itu sa-orang jurulatih Kebangsaan Badminton Malaysia, memberikan tunjok chara2 permainan badminton sa-chara2 bersistem.
- 9.30 VAN DER VALK
- 10.20 WARSHIP - "The Buccaneer"
- Untuk melawan di-dalam sa-buah mahkamah ada-lah menjadi sulit bagi sa-seorang: begitu juga Glenn chuba hendak menolong adek-lelaki-nya.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA - 23HB. MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 SESAME STREET - sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.10 MAN FROM ATLANTIS - "The Disappearances"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 SEKITAR TANAH AYER
- 9.05 BARETTA
- 9.55 SURVIVAL SPECIAL - "The Year of the Wildebeeste"
- 10.45 SIARAN TAMAT.



John Amos sa-bagai "The African", Kunta Kinte dan isteri-nya, Bell dalam siri "ROOTS".

DARI BENGKEL PENULIS

KITA PERLU TRADISI BARU

SAYA dapat meramalkan dalam masa yang tidak berapa lama lagi akan kedengaran suara2 dalam Bengkel kita ini yang memerlukan pula chara2 menulis drama radio. Seperti yang AWDA maklum bahawa Radio dan Talivishen Brunei memang sudah lama menyiarkan ranchangan drama sama ada dalam bahasa Melayu atau Inggeris. Sekerip2 drama radio dalam bahasa Melayu banyak juga di-terima dari penulis2 luar negeri, sedangkan drama dalam bahasa Inggeris terus disumbangkan oleh BBC. Sekerip2 drama radio dalam bahasa Melayu kita terima juga dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Bagaimana pun sa-bahagian besar sekerip drama yang di-siarkan oleh Radio Brunei sa-lama ini ada-lah hasil karya penulis2 tempatan. Di-samping saya tidak menantikan ada beberapa orang penulis2 drama tempatan yang dapat menghasilkan karya yang baik, tetapi sa-bahagian besar-penulis2 drama tempatan masih terlalu chenderong menulis cerita cinta mudamudi, sa-olah2 itu-lah sahaja jeritan masyarakat yang dapat di-sampaikan kepada pendengar melalui radio. Di-sini saya tidak-lah menandatangani supaya soal cinta asmara itu di-ke-tepikan langsung, kira-nya dari perasaan cinta itu menimbulkan ilham untuk menulis, tetapi ingat-lah bahawa drama itu pada asas-nya timbul dari 'konflik' atau perselisihan. Kira-nya tidak ada 'konflik' maka tidak ada apa2 yang akan ditulis untuk drama radio.

Jika kita rajin mendengar drama radio BBC, ia akan dapat sedikit sa-banyak memberi pertolongan kepada kita, dan ini hanya-lah untuk mempelajari teknik-nya sahaja. Sa-tengah2 dari AWDA mungkin akan menentang terhadap tema2 barat ini, dan ini tidak dapat di-salahkan, tetapi sa-tail persembahan radio tidak dapat lari dari seni yang halus. Dan ia memerlukan fikiran kita yang asli 'original', baru-lah kita dapat membelakangkan teknik drama yang di-majukan di-Britain. Kerana itu biar-lah kita yang menjadi ikutan, dan biarlah BBC belajar dari kita. Tetapi soal-nya bagaimana kita memulai langkah kita ka-arrah itu? Bagaimana kita boleh mengujutkan tradisi Brunei kita yang unik itu?

Jika kita ingin hendak membentok tradisi drama di-Brunei, ia mesti mempunyai akar umbi-nya yang bertunjang di-bumi Brunei ini dan ia mesti-lah menumbuhkan drama yang hidup mengenai rumah tangga kita sendiri. Ini akan menjadikan tugas itu jauh lebih mudah bagi sa-seorang penulis baru kerana kita boleh menggariskan-nya dengan segera dari pengalaman kita sendiri, alam sekitar kita sendiri. Kita tidak payah pergi jauh2 mencari bahan kerana imajinasi kita sudah ada. Ini juga bererti siapa pun boleh menulis asalkan pandai merangkai2kan idea. Kita tidak perlu menjadi sa-orang lulusan university dari kelas menengah yang 'sophisticated' yang datang dari sa-buah kota. Kira-nya kita datang dari sa-buah kampung pun kita boleh mencipta sa-buah drama yang mencherminkan keadaan hidup di-kampung seluruh Brunei ini. Para pendengar akan mengerumuni radio untuk mendengar sa-buah ranchangan sandiwara yang menyendiwarakan diri mereka, dan akan kengum-lah mereka mendengar-nya.

Pilih-lah watak2 dalam drama AWDA dari orang2 yang AWDA kenal. Perhatikan betul2 bagaimana mereka berchakap. Amat benar2 tingkah laku mereka. Chatetkan tentang buah fikiran mereka dan bagaimana mereka mengeluarkan pendapat. Kaji-lah pertalian watak2 yang AWDA pilih itu. Perhatikan betul2 bila dia marah, bila dia mempunyai harapan dan bila dia merasa kechewa. Turut-lah sama2 gembira dengan kegembiraan mereka. Kaji-lah tujuan hidup mereka. Dan perhatikan-lah kalau2 mereka mencapai kejayaan. Di-samping itu perhatikan juga bila mereka menghadapi kegagalan, dan perhatikan sa-chara jujur kenapa mereka gagal.

Jika boleh pilih-lah orang2 yang mempunyai suara yang tidak serupa, lelaki, perempuan dan kanak2. Di-atas pentas kita dapat melihat orang-orang dan dapat memerhatikan apa paras mereka masing2 begitu juga tentang pakaian2 mereka, tetapi di-radio pendengar2 hanya dapat membezakan watak2 itu melalui suara dan gaya tutur kata mereka sahaja.

Sa-telah itu fikirkan pula plot

Oleh STEWART WAVELL


cherita dan tema besar-nya cherita AWDA itu atau tujuan yang akan di-ke-tengahkan dalam istilah drama dan apa pula 'konflik' atau pergisiran besar-nya. Ada-kah dia sa-orang petani yang sedang menghadapi kemarau, atau sa-orang ibu yang sedang berusaha bermatian2 untuk menyelamatkan anak2-nya, si-isteri berusaha menyelamatkan suaminya, orang kaya baru, dari peninum dan pemabok serta penjudi, dan untuk menundukkan sa-orang lelaki ini si-isteri menemponh berbagai2 halangan. Sentiasa-lah ingatkan 'konflik' ini di-kepala AWDA. Kemudian baru-lah di-selesaikan 'konflik' besar itu melibatkan antara berbagai2 watak dalam drama AWDA itu. Bagaimana 'konflik' besar itu melibatkan isteri atau ibu. Bagaimana ia melibatkan anak2, jiran dan orang kampung. Bagaimana ia mengubah sikap watak utama dan watak2 yang lain-nya.

Bila semua ini sudah di-fikirkan, mulai-lah memikirkan 'konflik' besar-nya, atau perselisihan penting dari sa-tingkat demi sa-tingkat sa-hingga ka-akhir kesimpulan-nya atau kebinasaan-nya. Dan pada peringkat ini mulai-lah AWDA memikirkan babak2nya. Buat-lah senarai nama2 tempat di-mana AWDA fikirkan peristiwa itu berlaku di-tempat yang sesuai. Kemudian beransor2 masokan watak2-nya. Sementara itu gunakan-lah suara mereka dalam bentuk ucapan biasa untuk menimbulkan satu gambaran di-mana peristiwa itu berlaku, pada pukul berapa. Pastikan para pendengar mengetahui siapa yang sedang berchakap pada waktu itu. Untuk membuat ini ia-lah dengan watak2 memanggil nama antara satu sama lain. Memanggil dengan selalu sa-hingga suara mereka di-kenali betul2 dan terlekat dalam kepala para pendengar. Bila di-ke-tengahkan bersama dengan babak2-nya nanti nama itu sudah tidak akan di-lupai lagi. Kemudian watak2 ini jangan-lah di-lenyapkan langsung suara-nya. Ini ia-lah untuk mengingatkan para pendengar yang mereka masih berada di-babak itu.

AWDA fikir-lah sendiri apa yang akan AWDA chapai dengan satu2 babak itu, bagaimana ia akan membawa AWDA seterusnya. Ada-kah ia benar2 mustahak dalam erti kata plot yang terdedah. Jika tidak mustahak, potong saja babak tersebut. Begitu juga pertimbangan di-buat terhadap watak2-nya. Apa perlu-nya mereka itu dimasukkan? Ada-kah watak itu memberikan sesuatu sumbangan kepada pertumbuhan plot? Jika tidak gugorkan saja watak2 itu. Makin sedikit watak makin baik sandiwara itu. Dan beianja penerbitan-nya pun murah.

Sikap AWDA juga mesti begitu terhadap senikata watak2 yang AWDA gunakan. Adakah mereka memberi apa2 sumbangan terhadap plot drama itu? Kalau tidak potong saja senikata itu. Tidak ada yang lebih burok dalam sa-buah drama Radio sa-lain dari senikata yang berulang2. Sa-baik2 sahaja AWDA dapat menangkap kegemaran para pendengar AWDA, maka AWDA juga-lah ia baik2. Pandai2-lah mempermainkannya. Bawa-lah ia dengan baik ka-depan. Dan jangan-lah terus saja meleret2 dengan menambah2 yang tidak mustahak, yang menyebabkan pendengar merasa bosan lantas menutup radio.

(BERSAMBONG)



SUSUNAN RANCHANGAN TV PENDIDEKAN

RANCHANGAN Talivishen Pendidekan ka-Sekolah2 Rendah telah di-mulakan pada 8hb Mei yang lalu. Ranchangan tersebut akan di-siarkan empat kali sa-minggu ia-itu pada tiap2 hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Berikut ini ia-lah susunan ranchangan untuk panduan murid2 semua.

- 8.46 pagi — PEMBUKAAN
- 8.50 pagi — "Let's Speak English" — Ranchangan kedua.
- SALINGAN
- 9.20 pagi — "Sains dan Hidupan di-Brunei" — Ranchangan kedua.
- 9.40 pagi — SIARAN TAMAT.

Perubahan ranchangan TV

THE Water Margin, siri baru talivishen akan menjadi salah sa-buah ranchangan yang paling popular di-Brunei. Oleh kerana mendapat sambutan yang begitu menggalakkan, RTB akan mengubah ranchangan ini ka-waktu yang lebih awal — ia-itu tiap2 hari Jumaat pada jam 9.15. Perubahan ini akan di-mulakan pada 19hb Mei di-mana peminat2 ranchangan ini berpeluang menyaksikan sa-banyak dua edisi (hari2 Selasa dan Jumaat). Dokumentari mingguan ini akan di-tayangkan pada tiap2 hari Selasa jam 9.55 yang akan di-mulakan hari Selasa 23hb Mei.

Minat yang berbangkit di-Brunei ka-atas ranchangan The Water Margin memang-lah tidak menghairankan pegawai2 ranchangan RTB. Ketika ranchangan ini di-tayangkan di-Britain, ia segera menjadi ranchangan yang paling di-minati oleh para penonton. Kerana semakin berkurangnya filem2 Barat yang di-terbitkan untuk talivishen, ranchangan ini mungkin akan dapat mengubah selera penonton2 untuk meminati filem2 Timor yang berunsurkan perkelahian dan kepahlawanan.

The Water Margin telah di-usahkan oleh Nippon Televi-

sion di-Jepun. Filem berbahasa Inggeris yang kita saksikan di-Brunei ini telah di-aleh bahasa oleh BBC dengan menggunakan pelakon2 China yang menetap di-Britain. Cherita-nya berasal dari sa-buah kelas China "Shui Hu Chan", yang mengisahkan tentang pahlawan Liang Shan-po, yang melawan menentang rasuah di-Negeri China pada penghujung pemerintahan Northern Sung Dynasty 900 tahun yang silam. Penonton2 yang ingin memba-

cha nobel itu sendiri ada-lah di-nasehkan untuk mendapatkan sa-naskah buku bertajuk "All Men Are Brothers" oleh Pearl S. Buck yang di-petik dari Kelasik China. SIRI Hawaii Five-O akan di-tayangkan pada tiap2 hari Rabu mulai daripada 24hb Mei jam 7.10 malam dan bukan-nya pada hari Isnin. Manakala Siri Van der Valk akan di-ubah siaran-nya ka-hari Isnin jam 9.45 malam mulai daripada 22hb Mei.



Sa-bahagian daripada penari2 Badan Kebudayaan Dewan Bahasa dan Pustaka sedang mengiringkan penyanyi jempunan RTB, Awang Hamidun Mohd. Yassin sa-masa di-adakan Pesta Ria RTB, baru2 ini.



Tiga serangkai puteri2 negara yang bakal menjadi juruhebah R lens kamera. Gambar atas menunjukkan Dayang Rahimah bte H hatikan oleh kedua orang rakan-nya, Dayangku Fatimah (kiri) dan laltahan membaca dan membuat laporan untuk ranchangan Ra



Pehin Orang Kaya Amar Di-
tama (Dr.) Awang Haji Mohd
ketika berwawancara dengan
Siri Sejarah Brunei.

RANCHANGAN PUSPARAGAM RTB

RANCHANGAN Pusparagam RTB minggu lalu, antara lain kami isikan dengan telatah2 jenaka oleh Haji Ahim dan rakan2-nya, achara membuat Murtabak, nyanyian2 dan tarian2.

Minggu ini Pusparagam sekali lagi menghidangkan achara2 yang agak menggelikan hati juga, ia-itu achara menyuchok belon oleh dua orang wanita yang telah terpilih dalam undian adu nasib. Dapat-kah kedua wanita itu menyuchok belon dengan jarum panjang dengan tidak memachahkan belon itu. Achara menyuchok belon ini didemonstrasikan oleh Awang Johnny Chong.

Awang Haji Ahim dengan rakan2-nya sekali lagi munchol akan menchiut

hati para penonton dengan telatah jenaka mereka. Disamping itu pusparagam minggu ini akan di-serikan juga oleh kumpolan para penari De Mixture pimpinan Sahara Ahmad dengan menghidangkan dua buah tarian. Sa-buah tarian ala Timor Tengah 'Ya Mustapa' dan sa-buah tarian Melayu 'Anak Ayam'.

Penyanyi2 undangan pula terdiri dari Dolly James, sa-orang penyanyi wanita yang berbakat dari Seria, Mea Group dan Awangku Mohd Noor bin Pg Haji Mohidi, yang di-iringi oleh Kugiran D'Ceteria pimpinan Awangku Mohd Taib bin Pg Duraman.

Penerbit ranchangan Pusparagam sedia menerima tegoran2 yang membeni,

dan chadangan2 yang baik dari para peminat ranchangan ini. Kemukakanlah chadangan2 Awda dengan chara bertulis dengan memberikan nama yang sa-benar dan alamat yang terang kepada penerbit Pusparagam, Radio Talivishen Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pasokan2 bolasepak Piala Dunia

ADA-KAH Awda mengingati pemain utama bagi Hungary? Atau nama penjaga gol Brazil? Untuk maalam para penonton dan peminat2 bolasepak Piala Dunia — RTB akan menyiarkan satu siri sa-lama lapan minit filem2 yang memberikan latar belakang mengenai tiap2 pasokan kebangsaan dan personaliti2 yang bermain bagi tiap2 pasokan itu. Filem yang mengambil masa kurang dari 10 minit ini akan di-siarkan sebaik2 sahaja selepas Warta Berita dalam Bahasa Melayu sa-lama dua hari sa-belum di-tayangkan perlawanan2 hebat ini. Jadual-nya ada-lah saperti berikut:—

Hari Rabu 31hb Mei, jam 8.45 — Poland.

Hari Khamis 1hb Jun, jam 8.30 — Jerman Barat.

Perlawanan bolasepak Piala Dunia di-antara Poland dan Jerman Barat akan di-tayangkan pada hari Jumaat 2hb Jun, jam 9.30 malam.

Hari Isnin 5hb Jun, jam 8.30 — Argentina.

Hari Selasa 6hb Jun, jam 8.30 — Hungary.

Perlawanan bolasepak Piala Dunia di-antara Argentina dan Hungary akan di-tayangkan pada hari Rabu 7hb Jun, jam 9.30 malam.

Hari Khamis 8hb Jun, jam 8.30 — Italy.

Hari Jumaat 9hb Jun, jam 8.30 — Peranchis.

Perlawanan bolasepak Piala Dunia di-antara Italy dan Peranchis akan di-tayangkan pada hari Sabtu 10hb Jun, jam 9.00 malam.

Hari Isnin 12hb Jun, jam 8.30 — Brazil.

Hari Selasa 13hb Jun, jam 8.30 — Spain.

Perlawanan bolasepak Piala Dunia di-antara Spain dan Brazil akan di-tayangkan pada hari Rabu 14hb Jun, jam 9.30 malam.

Hari Khamis 15hb Jun, jam 8.30 — Holland.

Hari Jumaat 16hb Jun, jam 8.30 — Scotland.

Perlawanan bolasepak Piala Dunia di-antara Holland dan Scotland akan di-tayangkan pada hari Sabtu 17hb Jun, jam 9.00 malam.



Kelihatan dua orang Penyampai Ranchangan Serikandi Dayang Helen Thu dan Dayang Jamilah Abdullah sedang berada di Studio A bersedia untuk penggambaran ranchangan tersebut.

KAPADA wanita2 yang meminati Ranchangan Serikandi jangan lupa mengikuti-nya yang akan di-siarkan saperti biasa pada hari Isnin jam 8.00 malam. Antara isi kandungan Serikandi kali ini, kita akan berpeluang mengikuti penggambaran wakil Serikandi mengenai sulaman tangan.

Pada ibu2 yang mengandung jangan lepaskan peluang ini di-mana ibu2 akan berkesempatan mengikuti 'Bualan Kesihatan' mengenai ibu2 yang mengandung, dan ibu2 akan berpeluang mendapat panduan dari soalan2 yang akan di-kemukakan (gambar paling atas). Saperti biasa, di-akhir ranchangan ini Serikandi akan menyediakan resepi yang sedap2 dan para wanita akan berpeluang mengikuti dan menchuba-nya sendiri. Ikuti-lah resepi kali ini yang bernama 'Nasi Turkehi'. Bahan2 dan chara2 memasak-nya saperti berikut:

BAHAN2-NYA:

- | | |
|----------------------------|---------------------------------|
| 1 Gantang beras Siam No. 1 | 2 sudu jintan puteh |
| 1 ekor ayam | 1 sudu serbok kunyit |
| 3 biji bawang besar | 1 sudu lada hitam |
| 20 biji bawang merah | 4 inchi halia |
| 15 biji bawang puteh | 1 ikat daun sop dan daun bawang |
| 6 biji tomato biji | 4 inchi kayu manis |
| 4 biji ubi kentang | 15 biji changkeh |
| 4 biji telur ayam rebus | 10 kuntom bunga lawang |
| 3 batang lobak merah | 10 biji pelaga |
| 1 tin kacang pes | 1 lbs minyak sapi |
| 4 sudu ketumbar biji | 1 tin kechil tomato puri |
| 2 sudu jintan manis | Garam dan Aji No-Moto. |

CHARA MEMBUAT-NYA:

Ayam di-potong2 dan bersekan dan keringkan ayer-nya. Sepuloh biji bawang merah dan bawang puteh di-gilingkan halus2 dan di-champorkan dengan rempah yang di-giling tadi, dan kachau rata2 jadikan satu, bawang besar di-potong bulat2, bawang merah di-mayang2 dan di-goringkan hingga merah untok penabor nasi, daun sop dan daun bawang di-potong halus2, ubi kentang di-rebus, telur di-rebus di-buang kulit-nya, lobak merah di-potong panjang 2 inchi dan potongkan kasar2 kachang pes di-keringkan ayer-nya.

CHARA MEMASAK-NYA:

Jarangkan periok apabila panas, masokkan minyak, apabila chair tumiskan garam dan bawang serta kepala rempah dan kachaukan rata2 hingga kering, sa-lepas itu masokkan lagi rempah dan kachau2 rata2, dan masokkan ayam dan kachau lagi rata2, kemudian masokkan ayer, apabila mendideh masokkan beras, telur, lobak dan ubi kentang kachau rata2, kemudian tutupkan saja, apabila ayer-nya kering kachau lagi rata2 kemudian tutup dan tunggu hingga 15 minit, baru di-buka dan kachau lagi, dan tutupkan lagi dalam 10 minit baru di-angkat. Chandokkan ka-dalam piring bujur dan taborkan daun sop dan daun bawang serta bawang di-goring tadi, begitu-lah chara membuat-nya NASI TURKEH di-harap puan2 dapat menchuba-nya.

ari melanchong ka-Singapura

(ONGAN)

DA berada di-own, berkonjong-Park Complex. Sa-n membeli belah yai lebeh kurang lai di-dalam-nya, nya ada beberapa kan. Ramai orang eli belah di-sini, 2 terdapat orang2 Kanak2 paling su-na banyak terda-ul patong2.

itu, jika sekira-hendak membeli ama sekali pergi-a-House of Jade. A akan dapat me-te yang ta'ternilai tu batu2 jade di-a China dahulu is2 perchuma mes-utkan dulu dari anchongan Singa-

npat yang terkenal Alley'. Ia-nya ter-orong deretan ke-ng sempit di-dunia.



ang beraksi di-depan hman sedang di-perah sa-masa menjalani Inggeris.

Walau pun 'Change Alley' merupakan tempat membeli belah untok tawar menawar, tetapi di-sini bukan-lah merupakan tempat membeli belah yang murah saperti yang di-duga. Tuan punya kedai di-Change Alley ini mempunyai pengalaman bertahun2 tentang chara2 berniaga. Bagaimana pun oleh kerana ada-nya deretan kedai2 saperti gerai itu, seronok pula kita melawat kesana, dan kalau hendak berbelanja di-Change Alley, janganlah lebeh dari \$20.00.

Untuk membeli chenderamata kenang2an, elok-lah rasa-nya membeli gambar2 lukisan chap pemandangan Singapura zaman dahulu kala. Gambar2 ini boleh dapat di-beli di-National Museum dengan harga \$5.00.

Singapura kaya dengan pemandangan2 yang indah dan menarik. Dan paling baik untok melihat semua ini ia-lah dengan berjalan kaki, kerana pemandangan2 yang menarik ini nampaknya tak berapa lama lagi akan hapus. Jika kita bersiar2, kita akan dapat melihat bangunan2 Masjid, kuil2 dan tugu2 peringatan. Pusat Bandar Raya itu — China Town dan Arab Street patut di-kunjongi. Di-Arab Street misal-nya kita akan bertemu dengan kedai2 emas yang menjual barang2 kemas orang Melayu, kedai menjual kain batek dan kedai2 menjual barang2 buatan dari rotan. Tak jauh dari situ kita sampai ka-kawasan yang terkenal sa-bagai 'Thieves Market' di-Sungai Road. Kawasan ini penuh dengan gerai2 menjual barang2 sudah di-pakai atau barang2 'second hand' terdiri dari semua barang yang AWDA perlukan, termasuk kain baju, alat2 ganti, barang2 antique, pisau, parang, kapak, kunchi dan lain2. Juga ada yang menjual kepandaian mereka memperbaiki barang2 di-tepi jalan itu.

Di-China Town pula, AWDA akan mendengar hingar-bingar dan bermacam2 bau melanda hidung, dengan kedai2 yang penuh sesak, gerai2 makan menjual beraneka jenis makanan. Ada juga kedai2 ubat di-mana kita dapat melihat pesakit2 berator untok mendapatkan rawa-

tan. Pada sebelah malam-nya pula, AWDA akan dapat melihat wayang China. Lembaga Pelanchongan Singapura ada memberikan panduan di-mana dan bila pementasan itu di-adakan, tetapi AWDA tak mungkin dapat melihat dengan selesa kerana AWDA akan menemui lautan manusia, chuma dapat-lah menunton dari jauh sahaja.

Singapura ada-lah shorga bagi orang2 yang suka makan minum. Makanan2 yang sedap dan lazat kadang2 boleh di-dapati di-tempat2 yang tak di-sangka. Makanan terdapat mulai dari gerai2 kechil di-tepi2 jalan hingga ka-restauran2 di-kebab malam. AWDA boleh mendapat makanan masakan India, Indonesia, Melayu, Nonya, Taiwan, Korea, Thai, Jepun dan masakan barat di-samping masakan Tiong Hwa dari sembilan daerah di-negeri China.

Kalau AWDA ingin hendak merasa makanan Singapura yang sebenar-nya, ia-itu campuran masakan Melayu, China dan India, kunjongi-lah gerai2 makan. Tentang kebersihan-nya AWDA tidak perlu khuatir, kerana gerai2 makan itu sentiasa di-awasi oleh pehak kesihatan. Kira-nya AWDA tiba2 saja merasa lapar di-tengah malam buta pukul 3.00 atau 4.00 pagi, AWDA tidak perlu bimbang, kerana di-waktu itu pun maseh ada gerai2 makan yang di-buka. Ini-lah istemewa-nya Singapura.

Makanan di-hotel2 memang baik, tetapi harga-nya sudah tentu baik pula. Untok makanan orang2 Islam di-tempat2 yang istemewa juga boleh di-dapati di-Singapura saperti di-OMAR KHAYYAM masakan istemewa India dan di-Batik Inn yang menghidangkan makanan masakan Indonesia dan di-beberapa tempat yang istemewa lagi.

Singapura tidak kurang hotel. Walau pun AWDA sampai kesana tanpa membuat sebarang 'booking' atau tempahan bilek. Di-bangunan 'terminal' lapangan terbang antara bangsa Singapura ada terdapat sa-buah 'counter' untok membuat tempahan bilek hotel. Barangkali AWDA terfikir, di-mana nak tinggal di-Singapura. Ini terpulang kepada rasa, selera dan kesanggupan AWDA. Kerana pilihan hotel sedia ada di-Singapura, mulai dari hotel bertaraf antara bangsa yang kebanyakan-nya di-Orchard Road hingga ka-hotel bertaraf 'biasa' di-Bancoolen Street.

RABU

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Cherpen dan Solokan-nya; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran Selangan; 10.30—Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. T/HARI: 12.00—Tahu kah awda (SU)—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Apa kata mereka (SU); 1.30—Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU)—Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Permintaan perajurit; 7.30—Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat;—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Belia Zaman Ini; 9.00—Terima-lah Sampul Surat; 9.30—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30—Dendang sa-irama (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selangan; 10.30—Taman Mekar (SU); 11.00—Salam dari ku (SU); 11.30—Rampaian irama. T/HARI: 12.00—Selingkar Madah; 12.15—Hiboran rampaian tengah hari;—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30—Ragam Mudi Mudi. PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00—Mari Berzikir—Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.30—Hidayat; 7.30—Permainan gambus—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Mari berpantun (SU); 9.00—Sandiwara Radio (US); 9.30—Ku Sampaikan Salam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untuk kaum tani; 8.30—Pelajaran dewasa di-udara; 9.00—Apa pilehan awda; 9.30—Tafsir Al-Koran; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30—Kursus Al-Koran; 11.00—Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). T/HARI: 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15—Irama padang pasir; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Selangan irama; 2.00—Belia zaman ini; 2.30—Suara Dari Bintang; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10—Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30—Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU)—Azan untuk fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30—Sajak dan irama; 5.00—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama Di-Senja; 6.00—Irama lagu2 asli; 6.30—Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Cherpen dan selokan-nya; 7.30—Dokumentari—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Siri Sejarah Brunei; 9.00—Autograph pendengar; 9.30—Chera-

SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN

RADIO BAHAGIAN MELAYU

SABTU

mah Minggu Ini; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung ria; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15—Dendang antarabangsa; 9.15—Majallah Commonwealth; 9.30—Apa pilehan awda (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Selangan irama; 10.30—Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00—Hiboran pilehan; 11.30—Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30—Hiboran rampaian tengah hari—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Documentary Radio (SU); 1.30—Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buluh Perindu; 6.15—Irama padang pasir—Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Chitra irama (SU); 7.30—Bertuturan (SU);—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Selingkar Madah (US); 8.45—Dari Pengalaman Awda; 9.00—Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30—Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2

sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.30—Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00—Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Permainan Pancharagam; 11.00—Terima-lah Sampul Surat; 11.30—Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00—Sandiwara radio; 12.30—Rampaian tengah hari—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Pesta ria; 1.45—Bualan minggu ini. PETANG: 2.15—Suara Pulis Diraja; 2.45—Hiboran; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10—Bertuturan (ulangan);—Azan untuk fardhu Asar; 4.00—Arena sokan; 4.30—Siri Sejarah; 5.00—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Mari Melanchong; 6.00—Buluh Perindu; 6.15—Persembahan aneka instrumental—Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Suara parajurit—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Apa kata mereka; 9.00—Keluarga Jaya; 9.30—Mari berzikir; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30—Sain dan perusahaan (BBC); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Berdendang dengan ku; 10.30—Suara parajurit (SU); 11.30—Senandung irama. T/HARI: 12.00—Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari;—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Keluarga jaya (SU); 1.30—Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00—Siaran Melayu

berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Hiboran di-senja; 6.15—Irama padang pasir—Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Arena sokan (SU); 7.30—Keluarga Si-Awang (SU)—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00—Untuk kaum tani; (SU); 9.30—Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandung ria; 10.30—Serbanika Persembahan (SU); 11.00—Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30—Pusparagam; T/HARI: 12.00—Chevamat minggu ini;—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30—Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental—Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Bualan minggu ini (SU); 7.30—Salam dari ku—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Suara Pulis Diraja (SU); 9.15—Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45—Senandung Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Lunch Music. NOON: 12.00—Hits In Germany (repeat). PM: 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.30—Opening Announcement—My Music; 8.30—Midweek Greeting by Veronica Shim; 9.15—News; 9.30—Dateline; 10.00—Jazz Club—hosted by Tajul Ahmad; 10.30—Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Thursday's Bandwagon—we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00—My Music (repeat). PM: 12.30—News; 12.45—Rock Line; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30—“Our Brunei” produced by Evelyn Samuel; 9.00—Sports Magazine; 9.15—News; 9.30—The Three Degrees Live Show; 10.00—Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30—Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down.

11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30—News; 12.45—International Money Programme; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement from Our Local Entertainer; 8.30—Let Newton Be! by Eric Ewens; 9.15—News; 9.30—BBC World Report; 9.45—Talking About Music; 10.15—Light Music from Netherland; 10.30—Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—From Our Local Entertainer (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00—The Best of Clitheroe (repeat); 12.30—News; 12.45—Man In Our Changing World; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Top of The Pops; 8.30—Just For Variety; 9.00—Your World; 9.15—News; 9.30—Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30—Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30—Top of The Pops; (repeat). NOON: 12.00—Talking About Music; 12.30—News; 12.45—World of Education; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—The Sixth Form Calling produce by Tajul

Ahmad; 8.30—Be My Guest—introduced by Charan Chand; 9.00—Perspective; 9.15—News; 9.30—Exploring The Classics with Bob Kay produced by Hajjah Zainah; 10.30—Close Down.

MONDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00—The Sixth Form Calling (repeat) 12.30—News; 12.45—Get Away—travels from Brunei; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45—The Best of Clitheroe; 9.15—News; 9.30—Thirty Minute Theatre: “The Dissolution of Marcus Fleishman” by Stephen Davis; 10.30—Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Musical Hour; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00—Be My Guest (repeat). PM: 12.30—News; 12.45—Higher and Faster; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Stereo Pop Special featuring “Frankie Miller's Full House” Side 1; 8.30—Forum by Charan Chand; 9.00—From Ticket, Tape and Telephone; 9.15—News; 9.30—Hello Tomorrow; 10.00—Melody Time; 10.30—Close Down.

JOHAN BOLASEPAK ANTARA SEKOLAH2 MENENGAH DAN MAKTAB2



BARISAN pemain2 bolasepak dari pasukan Pusat Tingkatan Enam (yang berbaju gelap) dan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait (berbaju cerah) sedang berbaris sa-belum perlawanan bagi menentukan johan bolasepak peringkat akhir sekolah2 menengah dan maktab2 sa-negeri.

PEKAN TUTONG.— Perlawanan akhir bolasepak antara sekolah2 menengah dan maktab2 sa-negeri bagi tahun 1978 sekali lagi telah di-sandang oleh Pusat Tingkatan Enam bagi kali yang ketiga berturut2 dengan mengalahkan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

Kejohanan yang di-rebut kembali itu ada-lah hasil dari tendangan gol yang di-buat oleh Awang Ahmad bin Metarsad bagi gol sulung dalam minit yang ke-19 di-permainan sa-paroh masa pertama dan gol kedua oleh Ak Rakit dalam minit ke-13 di-permainan sa-paroh masa kedua.

Kira2 1,000 orang penunton yang juga termasuk penuntut2 dari Pusat Tingkatan Enam dan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah telah memenohi padang permainan yang di-jalankan di-Sekolah Melayu Muda Hashim di-sini pada petang hari Isnin, 8hb Mei yang baru lalu.

Perlawanan hari itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Pemerintah AMDB Battalion Kedua, Lt. Col. W.R. Avens yang juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemain2 di-akhir perlawanan.

Pasukan PTE telah menerima perisai kejohanan yang di-hadiahkan oleh YTM. Pengiran Pemancha Sahibol Rae Wal-Mushawarah, Pengiran Muda Haji Mohd. Alam semantara pasukan Kejuruteraan Jefri Bolkiah menerima perisai naib johan yang di-hadiahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Pg Haji Mohammad.



WAKIL pasukan Pusat Tingkatan Enam sedang menerima perisai kejohanan bolasepak sekolah2 menengah dan maktab2 sa-negeri dari Pegawai Pemerintah Battalion Kedua AMDB, Lt. Col. W.R. Avens (gambar atas kiri) dan pasukan yang berjaya menjadi johan tiga tahun berturut2 itu bergambar ramai dengan bangga-nya beserta perisai dan hadiah kemenangan mereka (atas kanan). Sementara gambar kanan menunjukkan saat2 chemas bola dari tendangan sudut di-hadapan pintu gol Pusat Tingkatan Enam dalam sa-paroh masa kedua sa-telah pasukan Sekolah Kejuruteraan bertubi2 mengator serangan, bagaimanapun, tidak ada gol di-jaringkan.



GAMBAR atas menunjukkan gol pertama yang di-jaringkan oleh Awang Ahmad bin Metarsad bagi pasukan Pusat Tingkatan Enam telah tidak dapat di-selamatkan oleh penjaga gol Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah dalam beberapa elah sahaja serangan di-ator.



GAMBAR2 atas kiri dan kanan menunjukkan penyukong2 dari kedua2 sekolah kegirangan dan kesunyian apabila gol pertama di-sumbatkan oleh Pusat Tingkatan Enam.

KEJOHANAN CHATOR WANITA DI-TIADAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Memandang kepada kurang-nya penyertaan bahagian kejohanan chator wanita pada tahun ini, maka kejohanan tersebut yang di-jadualkan bermula pada Ahad lepas telah di-tiadakan. Bagaimana pun kejo-

hanan chator perseorangan lelaki, perseorangan kanak2 di-bawah umur 18 tahun dan kejohanan chator berpasokan tetap di-jalankan menurut saperti yang di-jadualkan.

Sa-ramai 71 orang peserta ia-itu 56 orang daripada


nya untuk merebut kejohanan perseorangan lelaki manakala 15 orang untuk merebut kejohanan perseorangan kanak2 yang berumur 18 tahun ka-bawah telah mengambil bahagian. Dalam kejohanan berpasokan pula sa-banyak 6 pasokan akan menyertainya.

Kejohanan bagi perseorangan lelaki dan kejohanan kanak2 telah di-langsungkan Ahad lepas di-Kantin Pusat Belia di-sini dan pertandingan tersebut akan berjalan terus menerus sa-hingga selesai pada tiap2 hari Ahad. Sementara kejohanan berpasokan di-jangka akan di-mulakan bulan Jun depan.

Kejohanan chator tersebut ada-lah anjoran Persatuan Chator Negeri Brunei sempena merayakan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-32.

Pada tahun lalu, Kejohanan Chator perseorangan lelaki di-sandang oleh Awg Abdul Rahman bin Haji Matahir dan bahagian kanak2 jatuh kepada Awg Isa bin Haji Matahir se-

mentara Pasokan Pengiran Laila Wijaya telah memenangi kejohanan chator berpasokan.



Peserta kejohanan chatur kanak2 di-bawah 18 tahun sedang berhatu2 menghadapi lawan masing2 bagi pusingan pertama. Pusingan berikut-nya di-adakan pada tiap2 hari Ahad sa-hingga pertandingan ini selesai.



Walau pun kejohanan chatur wanita itu di-tiadakan, dalam gambar kelihatan salah sa-orang wanita ikut mengambil bahagian dalam kejohanan perseorangan menghadapi pasangan-nya kaum lelaki. Kedua2 gambar ini di-amil ketika kejohanan chatur pusingan pertama di-adakan minggu lalu.

MEMUCHANG-MUCHANG MEMBERSEH KAWASAN



Kedua2 gambar ini memperlihatkan belia2 sedang mem-bersihkan tapak dan kawasan rumah kepunyaan Awang Iring bin Abdul Latif, yang telah di-timpa kebakaran yang baru lalu. Memuchang-muchang ini telah di-anjarkan oleh Jabatan

Kebajikan, Belia dan Sokan, Ahad lalu. Awang Iring dan keluarga-nya sekarang ini sedang tinggal di-rumah Kera-jaan di-Bandar Seri Begawan.

Kerja memuchang-muchang ini kemungkinan akan di-teruskan bagi membantu dua buah

lagi rumah yang telah hangus di-jilat api dalam satu kebakaran di-Kampung Sungai Matan, baru2 ini. Rumah2 itu kepunyaan Awang Damit bin Menuddin, Ketua Kampung Sungai Matan dan Awang Yusof bin Bakar.

Lumba Basikal Perseorangan / Berpasokan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Persatuan Lumba Basikal Amatir Negeri Brunei akan menganjorkan satu perlumbaan basikal sa-chara perseorangan dan berpasokan. Perlumbaan tersebut akan di-langsungkan di-lapangan terbang lama Berakas pada 28hb Mei ini.

Achara perlumbaan basikal pada hari itu ia-lah: 33 kilometer (10 pusingan) dan 40.5 kilometer (15 pusingan) bagi perseorangan dan 66 kilometer (20 pusingan) bagi perseorangan dan berpasokan.

Bayaran masuk untuk menyertai perlumbaan itu, ia-lah: \$5 bagi peserta perseorangan dan \$20 bagi berpasokan yang mengandungi empat orang peserta.

Borang2 boleh di-dapati dari nama2 yang tersebut di-bawah dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat daripada 20hb Mei ini:—

Pg Haji Mohammad bin

Pg Hj Chuchu, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan; Haji Ahim bin Ibrahim, Bahagian Penerangan Tutong; Ibrahim bin Haji Jalil dan Ismail Apong, Kuala Belait dan Yusof Hj Misir, Temburong.

Menurut Setia Usaha Persatuan Lumba Basikal Amatir Negeri Brunei, Pengiran Haji Mohammad bin Pg Hj Chuchu bahawa ini ada-lah merupakan kali kedua dalam tahun ini persatuan tersebut menganjorkan perlumbaan seumpama ini, sejak persatuan itu ditubuhkan pada 8hb Oktober, 1977 yang lalu.

Kata-nya lagi, tujuan perlumbaan itu di-adakan ia-lah untuk meninggikan mutu pelumba2 basikal di-negeri ini.

Mengenai pelumba2 sa-waktu menjalani lathen, beliau mengingatkan supaya mereka itu menghormati atau mengikuti peratoran

lalu-lintas jalanraya demi keselamatan pelumba2 itu sendiri dan jangan-lah ber-lateh di-sebelah malam.

Lumba Basikal Jarak Jauh

Pelita di-fahamkan bahawa satu lagi perlumbaan basikal jarak jauh (kira2 95 batu) akan di-anjorkan oleh Persatuan Lumba Basikal Amatir Negeri Brunei. Perlumbaan itu di-jangka akan di-adakan dalam bulan Julai depan, ia-itu sa-bagai salah satu acara perayaan hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-32.

Kemungkinan besar perlumbaan tersebut itu juga akan di-sertai oleh pelumba2 basikal dari luar negeri.



Projek tahunan lumba jalan kaki SMJA baru2 ini. Kelihatan penuntut2 SMJA yang mengambil bahagian, berlepas dari Sekolah Melayu Gadong dan berakhir di-Padang SMJA.

KENYATAAN2 TAWARAN

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei Registered A Class building contractors up to noon on Monday 29th May 1978 for:—

THE CONSTRUCTION OF STABLES AT THE ROYAL BRUNEI POLO CLUB, JERUDONG PARK FOR HIS HIGHNESS THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders to be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor.
4. The envelope must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed 'Tender for Royal Brunei Polo Club Stables Building at Jerudong Park.'

5. Tender documents may be obtained from John R. Harris, Architects at Room 408, Guru-Guru Building Bandar Seri Begawan, Brunei from 3rd May 1978 during normal working hours.

6. The Tender deposit will be B\$500.00 which will be refunded to all tenderers on the return of all tender documents and the submission of a bona fide tender.

7. Tenders must be submitted on the approved form.

8. The client is not bound to accept the lowest or any tender.

KUALA BELAIT P. W. D. TENDER NOTICE

- SERIAL No. KB 7/1978**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 23hb Mei, 1978 bagi:—

MENIMBOK PASIR DI-JALAN SIMPANAN (SE-BELAH UTARA) JALAN KUALA BELAIT/SERIA.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 7/1978

TENDERS will be received from Class AX only and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board,
- Brunei up to 12.00 noon on 23rd May, 1978 for:—

SANDFILLING TO ROAD RESERVE (NORTH SIDE) KUALA BELAIT/SERIA MAIN ROAD.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 8/1978

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 23hb Mei, 1978 bagi:—

PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT LETRIK SERIA DAN PERUBAHAN TAMBAHAN PEJABAT LETRIK KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 8/1978

TENDERS will be received from Class AX only and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 23rd May, 1978 for:—

CONSTRUCTION OF ELECTRICAL DEPARTMENT OFFICE SERIA AND RENOVATION TO EXISTING OFFICE, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 9/1978

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas C sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 23hb Mei, 1978 bagi:—

MENGECHAT ATAP ABSESTOS ROOF OF J.B.S.E. BUILDINGS KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 10/1978

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas C sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 23hb Mei, 1978 bagi:—

PAINTING TO ABSESTOS ROOF OF J.B.S.E. BUILDINGS KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

AIR CONDITIONING SERVICES TO SEKOLAH MELAYU, BERAKAS CAMP

REGISTERED Class 'A' Air Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning Services To Sekolah Melayu, Berakas Camp.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 17th May, 1978 onwards during normal office hours. The tender deposit of \$400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 30th May, 1978 ('Tuesday'). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: "Tender for Air Conditioning Services to Sekolah Melayu, Berakas Camp."

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

- SERIAL No. 33(AC)/78**

AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 30th May, 1978 for the:—

REPLACEMENT OF SIX AIR CONDITIONING UNITS AND RENOVATION OF DUCTWORK, MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked 'Replacement of six air conditioning units and renovation of ductwork, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.'
4. The Form or Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The Tender deposit is \$100.00 refundable to all Tenderers on receipt of a bona fide tender with all related documents in good condition.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

SERIAL No. 34(CL)/1978

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Class 'A' Cable Laying Contractors up to 12.00 noon Tuesday, 23rd May, 1978 for the following:—

CABLE LAYING FOR INTEGRATED WEAPONS COMPLEX, KAMPONG KAPOK, MUARA.

Tenders received after the stated time will be rejected.

Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked:—

"CABLE LAYING FOR INTEGRATED WEAPONS COMPLEX, KAMPONG KAPOK, MUARA."

The form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The tender deposit will be \$200.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

SERIAL No. 35(CL)/78

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Class 'A' Cable Laying Contractors until 12.00 noon on Tuesday 30th May, 1978 for the following:—

"UNDERGROUND HIGH TENSION CABLE LAYING JALAN BERIBI, BRUNEI MUARA DISTRICT."

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked: "Underground Cable Laying for Jalan Beribi."

4. The form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

6. The tender deposit will be \$300.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

SERIAL No. 36/1978

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Brunei, up to 12.00 noon on Tuesday 6th June, 1978 for:—

"THE SUPPLY AND DELIVERY C.I.F. TO THE ELECTRICAL DEPARTMENT, BRUNEI, TWO 2½ TONS LONG WHEEL BASE TRUCKS AND THREE 1½ TONS LONG/SHORT WHEEL BASE PICKUPS/TRUCKS"

2. Tenders received after the above stated time and date will be rejected.

3. Specification and other information can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Tender documents are to be enclosed in a plain sealed envelope and addressed to the Tenders Board. The envelope is to be clearly marked:—

"TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY TO THE ELECTRICAL DEPARTMENT TWO 2½ TONS LONG WHEEL BASE TRUCKS AND THREE 1½ TONS LONG/SHORT WHEEL BASE PICKUPS/TRUCKS."

5. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

SERIAL No. 38(AC)/78

AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 30th May, 1978 for the:—

CARGO BUILDING ALTERATIONS BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked: 'Cargo Building Alterations, Brunei International Airport'.

4. The Form or Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The Tender deposit is \$100.00 refundable to all Tenderers on receipt of a bona fide tender with all related documents in good condition.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

- TENDERS are invited for the supply of the following Agricultural Chemicals to the Department of Agriculture.
- (a) 2-4D Amine or Ester herbicide formulations to be supplied in one quart or one litre containers—2000 quarts or litres and upwards in lots of 400 quarts/litres.
